



*EON Inspirasi*  
Edisi Dr. Nor'aishah Abu Shah

*Rahsia Lebah*  
Sains vs Alquran

*Warisan Semulajadi Geologi*  
Hubungan dengan Flora dan Fauna

*Basic Navigation in Forest*  
Tips and tricks

ISSN 2773-5869



9 772773 586005

# Makalah Akademia

## KONSERVASI GAJAH DAN CABARANNYA DI MALAYSIA

Oleh

Amirul Adli Abd Aziz  
Pusat Pengajian Biologi, UiTM Cawangan  
Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, Pekan  
Parit Tinggi, 72000 Kuala Pilah, Negeri  
Sembilan

[adliaziz@uitm.edu.my](mailto:adliaziz@uitm.edu.my)

EDITOR: DR. NURHAMIMAH ZAINAL ABIDIN



Gambar 1: Atas; Gajah Asia. Bawah; Sekumpulan gajah termasuk gajah yang masih kecil. Dapat dilihat gading pada seekor gajah yang terdedah kepada ancaman pemburuan haram. (Sumber: Adobe Stock Photos (ID: 298125145 & 504059057))

### Cabaran konservasi gajah di Malaysia

#### 1. Kehilangan habitat

Salah satu cabaran utama dalam konservasi gajah di Malaysia adalah kehilangan habitat semulajadi. Pertumbuhan populasi dan pembangunan penempatan manusia, perladangan bagi memenuhi keperluan makanan akibat dari peningkatan populasi, dan pembangunan infrastruktur telah menjerus kepada penebangan hutan dan eksplorasi tanah yang sukar untuk dikawal. Hal ini secara langsung menyebabkan penyusutan besar-besaran keluasan hutan yang menjadi habitat semulajadi gajah. Akibat kehilangan tempat tinggal dan sumber makanan, gajah-gajah ini semakin terdesak dan berlaku penghijrahan ke kawasan-kawasan penempatan manusia seterusnya berhadapan dengan konflik manusia-haiwan apabila berlaku pencerobohan untuk mendapatkan sumber makanan dan perlindungan.

#### Kepelbagaian hidupan

Konservasi gajah adalah salah satu daripada usaha-usaha global dalam memastikan kelestarian alam dan kestabilan populasi hidupan di seluruh dunia. Malaysia salah satu negara yang menjadi habitat gajah liar yang saban hari terdedah kepada ancaman kepupusan. Pelbagai usaha dalam memelihara dan memulihara spesies gajah liar tersebut. Kepentingan untuk melindungi gajah di Malaysia semakin diberi tumpuan, terutamanya akibat daripada kehilangan habitat semulajadi selari dengan pembangunan penempatan dan kemajuan setempat dan ancaman pemburuan haram. Artikel ini bersempenakan Hari Gajah Sedunia pada 12 Ogos setiap tahun akan membincangkan cabaran-cabaran utama dalam inisiatif pemeliharaan gajah di Malaysia dengan menumpukan kepada usaha jitu yang diambil oleh Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah di Pahang.

## 2. Ancaman pemburuan haram

Ancaman terhadap gajah juga datang daripada pemburuan haram untuk mendapatkan gading terutamanya apabila masih wujud permintaan terhadap hasil ini dan menjadi buruan pengumpul barang-barang berharga. Lebih-lebih lagi apabila barang-barang yang diolah dari gading gajah masih mempunyai nilai yang tinggi di pasaran antarabangsa. Ini sudah semestinya mendorong kepada aktiviti pemburuan haram yang sangat memberi kesan yang buruk terhadap usaha memelihara gajah liar. Disamping itu, hanya sesetengah gajah asia jantan sahaja yang membentuk gading gajah yang cukup panjang. Maka, pemburuan haram gajah jantan yang tidak terkawal mengancam kemandirian spesies gajah ini. Selain itu juga, gajah-gajah juga boleh terbunuh akibat daripada jerat atau perangkap yang sengaja dipasang untuk menangkap haiwan lain di habitat yang sama.

## 3. Konflik manusia-haiwan

Konflik manusia-haiwan semakin meningkat kerana interaksi yang lebih kerap antara gajah dan manusia. Gajah-gajah yang memasuki kawasan pertanian atau perkampungan boleh merosakkan tanaman dan harta benda, justeru mencetuskan ketidakpuasan hati penduduk tempatan. Gajah sebagai mamalia darat terbesar sudah semestinya dianggap berbahaya terhadap keselamatan penduduk setempat. Ini boleh menyebabkan berlaku tindakan pencegahan atau penyingkiran haiwan, lebih membimbangkan lagi, pembunuhan secara tidak berkesan dan seringkali tidak berperikemanusiaan.



Gambar 2: Kunjungan penulis ke Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah di Temerloh, Pahang pada Julai 2022. Pusat ini menjadi tumpuan pelancong dalam dan luar negara yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai mamalia darat terbesar ini.

## 4. Pemuliharaan genetik

Konservasi gajah juga melibatkan pemuliharaan genetik bagi memastikan kepelbagaian genetik yang mencukupi dalam sesuatu populasi gajah. Penangkapan dan pembunuhan gajah bagi tujuan peribadi atau sebagai industri hiburan boleh menyebabkan kehilangan diversiti genetik yang penting untuk kelangsungan hidup spesies ini di habitat semulajadi mereka.

### Pusat konservasi gajah kuala gandah

Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah merupakan salah satu inisiatif utama dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan gajah Asia di Malaysia. Pusat konservasi ini terletak di Lanchang, Temerloh, Pahang yang merupakan sebahagian daripada Hutan Simpan Tengku Hassanah (Hutan Simpan Krau). Pusat konservasi ini telah beroperasi sejak tahun 1989 dengan menjalankan pelbagai aktiviti untuk melindungi dan memulihara populasi gajah di Malaysia.

### 1. Penyelidikan dan pendidikan


Pusat ini terlibat dalam penyelidikan yang luas untuk memahami tingkah laku dan ekosistem gajah bagi membantu memantapkan lagi usaha pemeliharaan spesies berikut. Pengetahuan yang mendalam yang diperoleh daripada penyelidikan ini memberi impak yang signifikan dalam mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan dalam proses menyelamatkan dan melindungi gajah-gajah yang diancam bahaya. Selain itu, Pusat Konservasi Gajah Kuala Gandah juga mengadakan program-program pendidikan awam bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai pentingnya konservasi gajah dalam memastikan kepelbagaian ekosistem dan kemandirian spesies-spesies terancam.

## 2. Pemuliharaan dan penempatan semula gajah

Salah satu usaha utama pusat ini adalah pemuliharaan dan penempatan semula gajah yang terlantar, cedera, atau berhadapan dengan konflik manusia-haiwan. Gajah-gajah yang diselamatkan diberi penjagaan yang baik dan latihan untuk mempersiapkan mereka untuk kembali ke habitat semulajadi mereka. Penempatan semula gajah ini dilakukan dengan teliti dan mengikut protokol yang ketat untuk memastikan pengadaptasian yang berjaya.

## 3. Penyediaan habitat terkawal

Pusat Konservasi Gajah Kuala Gandah juga menyediakan habitat terkawal untuk gajah-gajah yang memerlukan penjagaan rapi yang lebih lanjut. Habitat ini memberi peluang kepada gajah untuk hidup dalam persekitaran yang hampir sama dengan habitat semulajadi sambil diletakkan di bawah pengawasan pegawai-pegawai terlatih bagi memastikan keselamatan dan kesempurnaan proses melatih gajah-gajah ini sebelum dikembalikan ke habitat asal. Pusat ini juga dibuka untuk pengunjung datang melihat dan berinteraksi dengan gajah-gajah ini bagi meningkatkan kesedaran terhadap pentingnya melindungi spesies ini. Interaksi antara manusia dengan gajah ini juga dapat membantu dalam memulih konflik manusia-haiwan dengan memberi pendedahan awal terhadap manusia dan juga gajah-gajah ini akan risiko dan cara menghadapi konflik tersebut dengan lebih berkesan dan tidak memudaratkan. Ini juga membantu gajah-gajah tersebut untuk mengembangkan kemahiran hidup mereka sebelum dikembalikan semula ke habitat semulajadi.



Gambar 4: Pelancong dibenarkan untuk berinteraksi Bersama gajah-gajah di sana seperti aktiviti memberi makan dan mendekati mereka bagi melatih kedua pihak mendalami kepentingan untuk membanteras konflik haiwan-manusia.



Gambar 3: Seorang Tentera Laut Amerika Syarikat, Neenah Jones, bersama rakan sekerja dan pelancong, memandikan seekor gajah Asia yang masih kecil ketika berkunjung ke Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah pada bulan Ogos tahun 2008. Sumber: *U.S Navy Public Domain ID: 080820-N-4009P-267.*

### RUMUSAN

Konservasi gajah di Malaysia menghadapi pelbagai cabaran yang memerlukan tindakan yang serius untuk melindungi dan memulihara spesies ini. Usaha yang dilakukan oleh Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah di Pahang merupakan antara contoh terbaik bagaimana usaha konservasi gajah boleh dijalankan dengan berkesan. Walau bagaimanapun, pemeliharaan gajah adalah ikhtiar murni yang memerlukan kerjasama dan sokongan semua pihak, termasuk kerajaan, organisasi bukan kerajaan, masyarakat tempatan, dan orang ramai, bagi memastikan gajah-gajah di Malaysia terus hidup dan berkembang dengan selamat.